

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JMG 214 – Geografi Wilayah Asia Tenggara**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. (a) Beri takrifan konsep pertumbuhan segi tiga.  
(20 markah)
- (b) Huraikan faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kemunculan konsep pertumbuhan segi tiga di Asia Tenggara.  
(30 markah)
- (c) Dengan berdasarkan sama ada pertumbuhan segi tiga selatan atau pertumbuhan segi tiga utara, telitikan perkembangan dan pencapaian konsep pertumbuhan tersebut sejak ia dilaksanakan.  
(50 markah)
2. (a) Huraikan dasar kerajaan tentang taburan penduduk secara reruang di sebarang lima negara Asia Tenggara.  
(30 markah)
- (b) Dengan berdasarkan dua buah negara Asia Tenggara (seperti dalam 2 (a)) bincangkan matlamat, program dan langkah yang telah diadakan untuk mencapai dasar yang dinyatakan itu.  
(70 markah)
3. Telitikan pencapaian dan masalah yang dihadapi oleh negara Asia Tenggara dalam kerangka kerjasama ekonomi di bidang perindustrian.  
(100 markah)
4. Kepadatan proses urbanisasi di Asia Tenggara telah menyumbang kepada berbagai-bagai masalah ekonomi dan sosial. Bincangkan serta cadangkan langkah-langkah untuk menangani masalah tersebut.  
(100 markah)

5. (a) Mengapakah kajian tentang migrasi begitu penting kepada pembuat dasar di Asia Tenggara? Bincangkan.  
(50 markah)
- (b) Cadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan migrasi luar bandar ke bandar di salah sebuah negara Asia Tenggara kecuali Brunei dan Singapura.  
(50 markah)
6. Huraikan EMPAT (4) daripada LIMA (5) perkara berikut:
- (a) Konsep reformasi tanah  
(25 markah)
- (b) Kepentingan piramid penduduk kepada Malaysia  
(25 markah)
- (c) Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)  
(25 markah)
- (d) Fasa-fasa perindustrian di Asia Tenggara sejak tahun 1960  
(25 markah)
- (e) Perbezaan di antara revolusi hijau dengan program pembangunan desa bersepadu  
(25 markah)